

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH NURIDAH  
BINTI MOHD SALLEH**

**TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan faktor-faktor peningkatan jumlah ibu tunggal sehingga hampir 1 juta orang berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penemuan utama data Banci Penduduk dan Perumahan 2020 (Banci Malaysia 2020) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah merekodkan jumlah ibu tunggal meningkat kepada 940,735 berbanding 808,787 pada tahun 2010.

Berdasarkan perincian rekod Banci Malaysia 2020, 73.8 peratus adalah berstatus balu dan disebabkan oleh kematian suami. Manakala, sebanyak 23 peratus adalah bercerai dan 3.3 peratus berpisah (berpisah tiada dokumen penceraian termasuk gantung tidak bertali dan berkaitan yang tiada dokumen).

Dapatan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014 mendapati lebih separuh (56.2%) lelaki menyatakan punca utama mereka bercerai/berpisah adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan isteri curang (11.8%) dan campur tangan mentua/ipar-duai (10.0%). Manakala bagi wanita pula, lebih satu pertiga (38.0%) menyatakan punca utama mereka bercerai/ berpisah adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan suami curang (20.5%) dan suami tidak bertanggungjawab (15.2%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN  
BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN**

**TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu golongan gelandangan di sekitar ibu kota dan adakah terdapat bantuan-bantuan daripada pihak Kerajaan untuk menempatkan mereka dan membantu mereka melangsungkan permulaan semula kehidupan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengendalian isu berkaitan golongan gelandangan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi di bawah Kementerian seperti Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Antara usaha yang telah dijalankan untuk menangani isu ini boleh dikategorikan kepada dua bentuk, iaitu:

**Pelaksanaan Inisiatif dan Program Berkaitan Gelandangan : Sedia ada**

**Pelaksanaan di bawah agensi KPWKM: Yayasan Kebajikan Negara (YKN)**

Antara inisiatif yang dilakukan oleh KPWKM melalui YKN adalah penubuhan Anjung Singgah, iaitu sebuah pusat khidmat bantuan sosial dan intervensi yang diwujudkan bertujuan untuk membantu golongan gelandangan yang produktif. Perkhidmatan yang disediakan adalah meliputi tempat penginapan sementara, makan minum, saringan awal kesihatan, program intervensi kaunseling dan motivasi, pusat rujukan bantuan sosial serta bantuan mendapatkan pekerjaan melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan. Sehingga Disember 2021, sebanyak 8,325 gelandangan telah mendaftar masuk dan mendapatkan perkhidmatan di semua Anjung Singgah yang telah beroperasi iaitu:

- (i) Anjung Singgah Kuala Lumpur – mula beroperasi mulai 9 April 2011;
- (ii) Anjung Singgah Sarawak - 15 Oktober 2012;
- (iii) Anjung Singgah Johor - 9 Jun 2013;
- (iv) Anjung Singgah Pulau Pinang - 9 Jun 2014; dan
- (v) Anjung Singgah Perak - 9 Januari 2017
- (vi) Anjung Singgah Sabah - dijangka akan beroperasi pada tahun 2022.

**Pelaksanaan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)**

Selain KPWKM, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) juga merupakan salah satu rakan strategik KPWKM dan turut memainkan peranan penting dalam usaha membantu golongan gelandangan di Kuala Lumpur. Penubuhan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL) di Jalan Pahang merupakan hasil kerjasama strategik yang dijalin antara KWP, KPWKM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan juga NGO. YKN telah dilantik sebagai koordinator di PTGKL. PTGKL berperanan sebagai pusat sehenti (*One Stop Centre*) yang menyediakan penginapan sementara kepada golongan gelandangan di Bandaraya Kuala Lumpur. PTGKL berkonsepkan '*low barrier*': dengan membenarkan hampir semua kategori gelandangan bermalam dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan. PTGKL mula beroperasi pada 10 Februari 2016 dengan kapasiti 200 katil. Semenjak mula beroperasi pada 10 Februari 2016 sehingga 31 Disember 2021 seramai 3,588 orang gelandangan telah mendaftar di PTGKL.

**Pelaksanaan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

KPWKM melalui kerjasama YKN dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga melaksanakan Program Rumah Bimbingan Gelandangan yang disediakan secara sewaan kepada gelandangan yang telah selesai program transit di PTGKL, program intervensi di Anjung Singgah dan telah mendapat pekerjaan. Inisiatif ini merupakan langkah untuk membantu gelandangan mempunyai kediaman sempurna dan meneruskan kehidupan dalam keadaan yang lebih sejahtera. Program ini melibatkan 20 unit rumah di Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan, Sentul dan Perumahan Awam Seri Selangor San Peng dengan kadar sewa bagi seorang penghuni Rumah Bimbingan Gelandangan adalah RM1.00 sehari (RM30 sebulan bagi seorang penghuni) dan unit berkenaan boleh memuatkan seramai 4 orang penghuni. Semenjak beroperasi pada 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2021 seramai 107 orang gelandangan yang bekerja telah menyewa di perumahan awam tersebut.

**Pelaksanaan Program Intervensi Pencegahan Gelandangan : Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah KPWK turut terlibat dalam menangani isu golongan gelandangan dengan melaksanakan beberapa operasi dan aktiviti menyelamat orang papa di bawah Akta Orang-Orang Papa (AOP) 1977 [Akta 183] seperti berikut:

1. **Operasi Serta Merta (*Ad-Hoc*)** – Operasi dilakukan apabila terdapat aduan daripada orang awam sama ada melalui panggilan telefon ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Talian Kasih (15999) atau datang sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan sebagainya.
2. **Operasi Berjadual/Berkala** – Operasi dilakukan secara berjadual/berkala di kawasan-kawasan yang didapati menjadi tumpuan (*Hot Spot*) yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
3. **Operasi Bersepadu** – Operasi dilakukan secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan Negeri, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran Negara dan agensi yang ada kaitan dengan gelandangan.

**Pelaksanaan Program Intervensi Pencegahan Gelandangan : Rakan Strategik KPWK**

Selain KPWK, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama-sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) sentiasa komited dalam usaha membantu dan menyelamat golongan gelandangan di ibu kota dengan hasrat supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan kembali ke pangkuhan masyarakat.

Penubuhan pusat penempatan sementara gelandangan seperti Pusat Transformasi Anjung Kelana di Taman Desa dan Pusat Transit Gelandangan di Jalan Pahang, Kuala Lumpur melalui pelaksanaan program pembangunan kendiri merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan dalam usaha mentransformasikan golongan ini supaya mereka tidak kembali ke jalanan dan sekaligus dapat mengurangkan kadar ataupun bilangan gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Pelaksanaan Inisiatif dan Program Berkaitan Gelandangan :**  
**Perancangan dan Pelaksanaan Jangka Panjang**

Dalam usaha untuk membuat penilaian dan semakan semula terhadap perundangan sedia ada ke arah pewujudan perundangan baharu yang lebih komprehensif bagi menangani isu gelandangan, KPWKM bakal menjalankan Kajian Semakan Akta Orang-Orang Papa 1977 pada tahun ini untuk meneliti isu gelandangan dan pengemisan dengan lebih serius dan sebagai asas bagi melihat samada sesuai untuk membangunkan suatu akta baharu atau menambahbaik akta sedia ada.

Sekian, terima kasih.